

CPI dijangka naik 1.8% bulan lalu

INDEKS Harga Pengguna (CPI) di Singapura dijangka meningkat 1.8 peratus bulan lalu disebabkan kenaikan kos makanan dan harga kereta, menurut tinjauan *Reuters* terhadap pakar-pakar ekonomi.

Inflasi meningkat 1.6 peratus Mei lalu.

“Ramalan median pakar-pakar ekonomi menunjukkan CPI meningkat 1.8 peratus, daripada 1.6 peratus Mei lalu dan 1.5 peratus, paras terendah sejak tiga tahun lalu, yang dicapai April lalu,” ujar laporan itu. CPI akan diumumkan pemerintah hari ini.

Inflasi utama, tidak termasuk kos penginapan dan pengangkutan awam, meningkat 1.7 peratus Mei lalu, berbanding 1.4 peratus pada April, didorong harga perkhidmatan dan makanan lebih tinggi itu.

Penguasa Kewangan Singapura (MAS) sebelum ini berkata tekanan kos domestik dijangka berterusan di tengah-tengah pasaran buruh yang

sengit dan kos yang disalurkan kepada harga bagi khidmat pengguna mungkin meningkat sedikit.

Dengan mengambil kira faktor ini, inflasi utama MAS dijangka naik sederhana enam bulan kedua tahun ini, kepada antara 1.5-2.5 peratus.

Satu tinjauan MasterCard dan SMU Research meramalkan inflasi akan merosot bagi satu hingga lima tahun mendatang.

Ini disebabkan kelembapan ekonomi dijangkakan bagi ekonomi berkembang seperti China dan Brazil dan kelembapan berterusan Zon Eropah.

Indeks Jangkaan Inflasi (SinDex) yang dibangunkan oleh MasterCard dan Institut Ekonomi Kewangan Sim Kee Boon itu dijalankan berdasarkan tinjauan 400 individu di sini.

Berdasarkan tinjauan dijalankan bulan lalu dan Mac lalu, pengguna menjangkakan inflasi akan merosot bagi 12 bulan mendatang.